

**PERSEPSI PELAJAR TERHADAP KREDIBILITI
PENSYARAH PENDIDIKAN ISLAM: SATU
KAJIAN DI UiTM KAMPUS JENGKA, PAHANG**



**INSTITUT PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN
PENGKOMERSILAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM
SELANGOR**

OLEH

**CHE HASLINA ABDULLAH
ZULKEFLI MOHAMAD
SITI KHALIJAH MAJID
SAHARANI ABDUL RASHID**

OGOS 2005

PENGHARGAAN

Kami ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada individu-individu dan kumpulan-kumpulan di bawah yang terlibat dalam memberikan kerjasama, sokongan dan segala bentuk pertolongan bagi memastikan penyelidikan ini dapat diselesaikan dengan sempurna:

Prof. Madya Ir. Abdullah Suhaimi bin Mohamed
(Pengarah Kampus UiTM Pahang)

Dr Azhan bin Ismail
(Koordinator, Unit Penyelidikan Pembangunan dan Pengkomersilan, UiTM Pahang)

Semua Responden

Pelajar-pelajar Diploma Fakulti Sains Gunaan, Pengurusan dan Teknologi Pejabat,
Perakaunan, Pengurusan dan Perniagaan, Kejuruteraan serta Fakulti Teknologi Maklumat
dan Sains Kuantitatif

ISI KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

Senarai Penyelidik	i
Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Jadual	iv
Abstrak	v

BAB I: PENGENALAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Penyataan Masalah	4
1.3	Objektif Kajian	6
1.4	Kepentingan Kajian	7
1.5	Limitasi Kajian	7
1.6	Skop	8
1.7	Definisi Terma	8

BAB II: SOROTAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	9
2.2	Kredibiliti Pensyarah	10

BAB III: METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1	Instrumentasi dan Kaedah Pengukuran	17
3.2	Tinjauan Rintis	19
3.3	Analisis Kebolehpercayaan	19
3.4	Populasi dan Sampel	21
3.5	Pengumpulan Data	21
3.6	Analisa Data	22

BAB IV: HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Profil Responden	23
4.2	Analisis Data	25
4.2.1	Kompetensi	25
4.2.2	Dinamisme	30
4.2.3	Kebolehpercayaan	33
4.2.4	Perlakuan Semasa	38

ABSTRAK

Pensyarah merupakan elemen penting dalam menjayakan inspirasi sesebuah institusi pengajian tinggi untuk mencapai misi dan visinya dengan menumpukan peranannya sebagai penyumbang (input provider) sumber keilmuan serta menjadi model contoh yang terbaik.

Sama ada disedari atau tidak, persepsi pelajar di dalam menilai kredibiliti pensyarahnya memberikan impak yang serius terhadap penerimaan mereka kepada “gurunya”. Kriteria ini menjadi begitu penting sehingga ianya boleh mempengaruhi proses pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian tinggi.

Fokus utama kajian ini dibuat adalah untuk mengetahui sejauh mana pelajar menilai kredibiliti pensyarah Pendidikan Islam sebagai seorang pendidik yang berperanan membimbing dan membentuk anak didiknya menjadi insan berguna dan berjaya di dunia dan di akhirat. Sebanyak 201 set soal selidik telah diedarkan kepada responden yang terdiri daripada para pelajar UiTM Pahang dan kesemua responden telah memberikan respon yang memberangsangkan. Selain dari maklumat mengenai latar belakang responden yang diperolehi hasil dari soal selidik ini, soalan-soalan yang dikemukakan berkaitan dengan persepsi responden terhadap kredibiliti pensyarahnya merangkumi empat dimensi utama yang dikaitkan dengan kredibiliti pensyarah yang dipetik dari beberapa kajian yang lepas iaitu: kompetensi, dinamisme, kepercayaan dan perlakuan semasa pensyarah.

Penganalisaan data dilakukan dengan menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS). Pembentangan maklumat adalah dalam bentuk peratusan dan piawaian sisir, taburan frekuensi dan ujian khi-kuasa dua. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa peratusan yang tinggi menyokong bahawa pensyarah Pendidikan Islam di UiTM Pahang mempunyai kredibiliti yang tinggi dari perspektif dan persepsi para pelajarnya. Namun begitu, beberapa cadangan berguna juga telah dikemukakan untuk pihak universiti dan juga penyelidikan di masa yang akan datang.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Para pensyarah merupakan ramuan penting di dalam resepi pendidikan di seluruh institusi pendidikan tinggi. Ia merupakan elemen utama yang perlu diberi perhatian kerana pengaruhnya agak besar terhadap prestasi pengajaran dan pembelajaran pelajar. Banyak faktor yang mempengaruhi kualiti pengajaran seseorang pensyarah. Antaranya ialah keintelektualannya dari sudut epistemologi yang dimiliki, sifat, sikap, gaya persembahan pengajaran dan sebagainya. Keberkesanan pengajaran setiap pensyarah juga bersangkutan dengan keupayaan dan kemampuan mereka dalam segala bidang.

Kriteria-kriteria baik dan lengkap yang dimiliki oleh seseorang pensyarah akan memastikan pembelajaran menjadi lebih efisien dan efektif. Pensyarah yang dedikasi, komited pada tugas, berpengetahuan tinggi dan berintegriti dalam pelbagai bidang dapat menyumbang ke arah kegemilangan pelajar-pelajarnya. Ini selari dengan kata-kata pujangga Konfusius iaitu “orang yang melebihi tahap pengetahuan dari orang biasa, kita boleh mengajar ilmu pengetahuan yang tinggi; orang yang tahap ilmu pengetahuan di bawah pertengahan, kita tidak boleh mengajar ilmu pengetahuan yang tinggi” (Azam, 2001:71). Ini bermaksud pensyarah mempunyai pengaruh yang sangat besar di dalam pengaliran